

## Zakat atas Syarikat di Malaysia: Analisis Potensi

\*Muhammad Ikhlas Rosele<sup>1</sup>, Luqman Hj. Abdullah<sup>1</sup> dan Mohd Farhan Md. Ariffin<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

<sup>2</sup>Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

ikhlas@um.edu.my

### Abstrak

Zakat merupakan salah satu penyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi umat Islam. Dengan kutipan dan pengagihan zakat yang efektif mampu menyelesaikan permasalahan umat Islam terutamanya kemiskinan. Oleh itu, dengan mengenalpasti potensi zakat dapat membantu untuk meningkatkan kadar kutipan zakat. Begitu juga halnya potensi zakat syarikat kerana pertumbuhan syarikat-syarikat di Malaysia begitu pesat. Justeru, kajian ini akan melakukan tinjauan terhadap potensi zakat syarikat di Malaysia. Potensi tersebut ditinjau daripada tiga aspek iaitu penerimaan untuk meluaskan harta zakat, hasil kutipan dan hukum. Kajian mendapati bahawa masih banyak ruang dan potensi kutipan zakat pada syarikat, kerana pertumbuhan syarikat dan meningkatnya kesedaran untuk membayar zakat. Selain itu, dari perspektif hukum tidak wujud halangan untuk melakukan kutipan zakat daripada syarikat.

Kata kunci: Zakat, zakat syarikat, potensi, Malaysia

### Pendahuluan

Zakat merupakan satu lapangan penting di Malaysia bahkan diseluruh negara Islam. Ini kerana zakat merupakan salah satu instrumen persamarataan pendapatan. Dengan zakat yang dikelola dengan baik, ia dapat memungkinkan pertumbuhan ekonomi sekaligus persamarataan pendapatan, ataupun *economic with equity* (Ahmad Mufligh Saefuddin, 1986). Selain itu, zakat dapat memajukan ekonomi umat Islam dengan menerusi perancangan penggunaan dana zakat yang berkesan. Ia juga dapat menjadi sumber pendapatan kepada negara (Hamizul Abdul Hamid, 2012).

Kutipan zakat di Malaysia telah dilakukan sejak dahulu lagi. Ia telah menjadi antara sumber penting untuk meningkatkan taraf ekonomi masyarakat Malaysia di samping membasmi masalah kemiskinan. Zakat dikutip daripada pelbagai sumber seperti perniagaan, pertanian dan penternakan. Skop kutipan zakat juga telah berkembang dari semasa ke semasa, bermakna kutipan zakat telah berkembang kepada sumber-sumber baru seperti saham dan pendapatan (Musa Ahmad, Arifin Md. Salleh & Abdullah Hj. Said, 2007).

Pembayaran zakat juga telah mula dititikberatkan dan mula diambil berat oleh kebanyakan individu muslim di Malaysia. Keadaan yang sama berlaku bagi syarikat dan institusi yang besar. Beberapa institusi,

syarikat serta badan pertubuhan di Malaysia telah mula menunaikan zakat (Muhammad Ikhlas R., Luqman H. A. & Mohd Anuar R., 2013). Institusi tersebut menunaikan zakat dari pelbagai sumber antaranya sumber perniagaan dan saham.

Pembayaran zakat oleh syarikat merupakan satu isu yang masih diperbincangkan oleh intelektual semasa di Malaysia. Namun perbincangan yang dilakukan adalah bersifat teoritikal yang menjurus kepada status kewajipan zakat syarikat. Contohnya Tun Abdul Hamid dan Adnan Trakic (2013) yang mempersoalkan keputusan fatwa yang mewajibkan zakat ke atas syarikat, terutamanya dari sudut perundangan. Persoalan yang dikemukakan oleh Tun Abdul Hamid dan Adnan Trakic tersebut dikomentar oleh Zulkifli Hasan (2013) yang menjelaskan hukum zakat dan kedudukannya dalam syariat Islam. Begitu juga Aznan Hasan (2013) dan Azman dan Muhammad Nasir (2011) yang membahaskan teori zakat syarikat menurut hukum Islam. Oleh itu, artikel ini bertujuan melakukan analisis terhadap potensi kutipan zakat syarikat di Malaysia. Analisis potensi ini dilihat perlu untuk mendedahkan kepentingan terhadap amalan pembayaran zakat oleh syarikat di Malaysia.

### Metodologi Kajian

Artikel ini merupakan kajian berbentuk qualitatif. Oleh itu, metode pengumpulan data yang digunakan adalah

metode dokumentasi di mana data-data kepustakaan digunakan secara keseluruhannya. Data-data yang diperolehi tersebut akan dianalisis secara induktif dan deduktif untuk menghasilkan dapatan potensi zakat syarikat di Malaysia.

### Konsep Zakat Syarikat

Syarikat pula bermaksud badan atau institusi perusahaan atau perniagaan (yang dimiliki oleh satu orang atau sekumpulan orang), perkongsian (dalam syarikat), firma (DBP, 2010). Manakala konsep zakat pula akan dibincangkan dari sudut bahasa dan istilah. Zakat dari segi bahasa secara umumnya bererti penambahan, ia juga boleh digunakan dalam pengertian lain seperti, cerdik, subur, jernih, berkat, kepujian bersih dan lain-lain (Ibn Mandhur, 1990). Pengertian dari segi bahasa ini juga digunakan didalam ayat al-Quran antaranya dalam surah al-Ruum ayat 36 dan surah al-Taubah ayat 103 (Elsi Kartika Sari, 2007).

Pengertian zakat dari sudut istilah menurut fuqaha' adalah ; hak yang wajib ditunaikan dengan kadar tertentu dari pada harta tertentu, untuk golongan tertentu pada waktu yang tertentu (al-Buhuti, 2003; Zaidan, 1993). Dalam pengertian lain zakat adalah mengeluarkan kadar tertentu dari harta yang tertentu bagi faedah golongan yang berhak menerimanya, sebagaimana yang ditentukan oleh Allah (Mahmood Zuhdi, 2003). Zakat terbahagi kepada 2 bahagian iaitu zakat harta dan zakat fitrah ataupun disebut sebagai zakat abdan. Zakat harta mempunyai banyak jenis bergantung kepada sumber kekayaan, antaranya adalah zakat ternakan, zakat emas dan perak, zakat tanaman dan buah-buahan, zakat harta perniagaan (al-Hisni, 2008).

Jika digabungkan kedua-dua konsep tersebut menjadi zakat syarikat ia bukanlah merujuk kepada suatu jenis zakat, tetapi ia lebih menjurus kepada syarikat sebagai pembayar zakat (*muzakki*). Dalam erti kata lain syarikat yang ditubuhkan perlu mengeluarkan zakat daripada hasil keuntungan yang diperolehi melalui aktiviti yang dijalankan (Husain Syahatah, 2009). Manakala jenis zakat yang dibayar oleh syarikat adalah tertakluk kepada aktiviti yang dilakukan, namun umumnya jenis zakat yang lazim dibayar oleh syarikat di Malaysia adalah zakat perniagaan.

### Potensi Dari Sudut Perluasan Harta Zakat

Potensi untuk meluaskan ruang lingkup kutipan zakat boleh berlaku jika mendapat sambutan dan penerimaan masyarakat umumnya. Penerimaan masyarakat khususnya intelektual Islam di Malaysia terhadap perluasan harta zakat menjadi antara faktor pendorong kepada pelbagai pihak untuk menunaikan zakat dari

pelbagai sumber harta. Pada tahun 2006 Pihak Institut Kajian Zakat (IKaZ) telah melakukan untuk mengenalpasti keperluan untuk memperluaskan sumber zakat. Hasil kajian tersebut mendapati kesemua responden adalah positif sebagaimana dalam jadual berikut;

**Jadual 1: Respon terhadap perluasan harta zakat**

Bil.	Responden	Pendapat
1	Mufti Kedah	Patut diperluaskan kepada sumber-sumber baru
2	Mufti Penang	Sumber lain yang dikenakan zakat apabila boleh diqiyaskan dengan zakat
3	Mufti Perak	Harta-harta yang diwajibkan zakat menurut mazhab syafie
4	Mufti Wilayah	Masih memerlukan perbincangan
5	Mufti Negeri Sembilan	Merujuk kepada maksud harta itu sendiri termasuk ayam, ikan, padi, kelapa, kelapa sawit, getah dan galian seperti minyak dan timah.
6	Mufti Melaka	Masih memerlukan perbincangan
7	Mufti Pahang	Masih memerlukan perbincangan
8	Prof Dato' Dr. Mahmood Zuhdi	Merujuk kepada maksud harta itu sendiri termasuk ayam, ikan, padi, kelapa sawit, getah dan galian yang utama sekarang ialah minyak dan timah.
9	PM Dr. Mujaini Tarimin	Patut diperluaskan kepada semua jenis harta
10	PM Dr. Haliani Muji Tahir	Patut diperluaskan kepada semua jenis harta
11	PM Dr. Syed Ghazali Syed Wafa	Patut diperluaskan kepada semua jenis harta
12	Dr. Ali Baharom	Patut diperluaskan kepada semua jenis harta
13	Dato' Abdul Rahim Bakar	Patut diperluaskan kepada semua jenis harta

**Sumber:** (Musa A., Arifin M. S. & Abdullah H.S, 2007)

Berasaskan hasil dapatan kajian ini menunjukkan respon yang positif daripada intelektual Islam di Malaysia terhadap perluasan harta zakat. Hanya yang perlu adalah menggiatkan kajian dan memantapkannya serta memerlukan perlaksanaan yang efektif. Antara contoh perluasan zakat dari sudut jenis harta adalah dalam sumber zakat pertanian.

Mengenai isu ini hakikatnya wujud perbezaan ulama-ulama fiqh dalam menentukan jenis sumber-sumber pertanian yang wajib dikeluarkan zakat. Secara asasnya terdapat 4 perbezaan pendapat mengenai isu ini, iaitu; **Pertama**, kewajipan zakat pertanian hanya terbatas kepada empat hasil pertanian sahaja (gandum, barli, kurma dan kismis). Ia merupakan pendapat Ibnu ‘Umar dan sebahagian ulama’ salaf (Ibnu Qudamah, 1992). **Kedua**, semua yang dikeluarkan daripada bumi yang bertujuan untuk menyuburkan tanah (memperoleh hasil) wajib untuk dikenakan zakat padanya (al-Qaradawi, 1994). Pendapat ini dikemukakan oleh Imam Abu Hanifah (al-Mirghinani, t.t.; Ibn al-Humam, 2003) yang juga merupakan pendapat ‘Umar ‘Abdul ‘Aziz, Mujahid, al-Nakha’I (Ibn al-Humam, 2003) dan Hammad. **Ketiga**, mensyaratkan bahawa hasil pertanian yang dikenakan zakat mestilah berbentuk makanan asasi yang boleh disimpan lama. Pendapat ini dikemukakan oleh Imam Malik dan Imam al Syafi’I (al-Syafi’i, 2002; al-Qurtubi, 2006; Ibn al-‘Arabi, 2003). **Keempat**, hanya hasil pertanian yang boleh disukat, tahan lama dan boleh dikeringkan sahaja akan dikenakan zakat. Pendapat ini didokong oleh Imam Ahmad (Ibnu Qudamah, 1992).

Pandangan Imam Abu Hanifah dilihat relevan pada masa kini. Ini kerana sumber kekayaan hasil bumi bukanlah terhad hanya kepada jenis-jenis tanaman tertentu sahaja. Al-Qaradawi (1994) di dalam kitabnya *Fiqh al-Zakah* bersetuju dengan pendapat Imam Abu Hanifah ini. Beliau menyebut:

*“Pendapat inilah bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah, dan ianya juga seiring dengan hikmah pensyariatan zakat, tidaklah dikatakan suatu hikmah sekiranya Allah mewajibkan zakat kepada petani yang menanam barli dan gandum, dan mengecualikan (membayar zakat) pemilik kebun-kebun limau, mangga ataupun epal”*

Berasaskan pendapat inilah semua tanaman yang ditanam untuk memperolehi hasil perlulah dizakatkan termasuklah tumbuhan hijau seperti sayur-sayuran dan buah-buahan yang tidak tahan lama dan cepat busuk. Ini adalah kerana zakat pertanian akan dikenakan pada setiap tumbuhan yang sudah menjadi, contohnya tumbuhan yang kering dizakatkan apabila ia sudah kering, dan tumbuhan yang basah dizakatkan apabila ia sudah masak (al-Qaradawi, 1994). Di samping itu hasil tanaman selain padi (di Malaysia terutamanya) dilihat lebih membahukan hasil dan mendatangkan kekayaan kepada pengusaha (Asmak A. R. & Joni Tamkin B., 2005). Oleh kerana itulah adalah wajar sekiranya hasil pertanian selain padi di Malaysia seperti keledek, pisang, sawit dan selainnya juga dikenakan zakat.

Walaupun perbincangan sebelum ini menyentuh kepada isu zakat secara umum dan beberapa jenis zakat tertentu, tetapi ia untuk memberi gambaran wujudnya ruang untuk perluasan harta zakat. Apabila perluasan harta zakat di Malaysia diterima ia boleh menjadi sokongan untuk melaksanakan kutipan zakat ke atas syarikat. Kecenderungan tokoh-tokoh dan intelektual di Malaysia untuk membuka ruang kepada harta-harta lain untuk dikenakan zakat secara tidak langsung menjadi asas kepada penerimaan mereka untuk mengutip zakat dari syarikat. Ini berikutan terdapat syarikat-syarikat tertentu yang memiliki harta subur sehingga layak dikenakan zakat. Namun, kenyataan khusus masih diperlukan untuk mengukuhkan dan memperluaskan potensi kutipan zakat syarikat di Malaysia. Jika terdapat sikap yang menyempitkan ruang zakat ia menyukarkan perlaksanaan kutipan zakat ke atas syarikat di Malaysia.

### **Potensi Hasil Kutipan Zakat Syarikat Di Malaysia**

Oleh kerana syarikat dan institusi di Malaysia membangun dengan pesat, bahagian ini akan membincangkan secara ringkas potensi zakat syarikat di Malaysia. Ia dilakukan dengan melakukan sorotan kepada beberapa kajian yang telah dilakukan. Berdasarkan satu kajian terhadap 62 syarikat GLC, didapati hanya 18 syarikat sahaja membayar zakat manakala selebihnya tidak membayar zakat (Mohd Rizuan A. K., et. al., 2014). Terdapat juga kenyataan pada tahun 2002 yang menyebut bahawa hanya 20% syarikat sahaja yang membayar zakat perniagaan (Ram Al Jaffri, S., Kamil M. I. & Zainol B., 2009). Selain itu, pada tahun 2008 hanya sebanyak 27% daripada syarikat yang layak mengeluarkan zakat berbuat demikian (Mohamad Noor Shahidi, 2013).

Jika dilihat dari sudut potensi apabila keseluruhan 62 syarikat atau 462 syarikat (pada 2010) membayar zakat boleh memberikan kutipan zakat yang besar. Begitu juga 80% syarikat tampil membayar zakat perniagaan yang juga mampu menambah jumlah kutipan zakat. Keadaan potensi seumpama ini amat mendatangkan kemudahan kepada umat Islam di Malaysia. Manakala, berdasarkan kajian dan analisis Abdul Hakim potensi kutipan zakat perniagaan (zakat yang dibayar oleh syarikat) di Malaysia pada tahun 2007 boleh mencapai RM 958,080,540 jika kesemua syarikat<sup>1</sup> tampil mengeluarkan zakat (Abdul Hakim A. O., 2009).

Selain itu, berdasarkan analisis yang telah dilakukan oleh Ahmad Shahir dan Adibah di Negeri

<sup>1</sup> Dengan andaian berasaskan ujian bahawa 56,062 syarikat layak mengeluarkan zakat dan purata kadar zakat yang dikenakan adalah RM 17,400.

Selangor pada tahun 2010, potensi kutipan zakat di Negeri Selangor boleh mencecah 1.2 bilion jika semua individu dan syarikat membayar zakat. Rujuk jadual berikut;

#### Jadual 2: Potensi Kutipan Zakat dengan Andaian 100% Populasi Layak Berzakat

Populasi		Purata Bayaran (RM)	Potensi (RM)
Individu	1,316,864 orang	1,129.54	1,213,891,556,147
Syarikat	20,000 buah syarikat	5,513.29	110,265,800
JUMLAH			1,214,001,821,947

**Sumber:** (Ahmad Shahir M. & Adibah A. W., 2010)

Jadual tersebut menunjukkan dengan jelas potensi kutipan zakat syarikat iaitu sebanyak RM 110,265,800.00 sekiranya 20,000 syarikat di negeri Selangor mengeluarkan zakat. Namun jika diandaikan hanya 30% syarikat sahaja yang layak membayar zakat, potensi jumlah zakat syarikat yang boleh dikutip adalah mencecah RM 33,079,740.00, jumlah ini masih besar jika dibandingkan dengan realiti hasil kutipan zakat (Ahmad Shahir M. & Adibah A. W., 2010). Tambahan pula, pada tahun 2014 menunjukkan bayaran zakat oleh syarikat iaitu sebanyak RM 2.3 juta kepada LZS daripada 62 Syarikat (Lizawati Madfa, 2014), ini boleh menjadi penanda aras potensi pembayaran zakat syarikat di Selangor khususnya. PPZ MAIWP juga melakukan kajian pada tahun 2011 mendapati potensi pembayaran zakat di Wilayah Persekutuan adalah 124,957 pembayar di mana 4,629 daripadanya adalah syarikat (Harian Metro, 2011).

Justeru itu, didapati bahawa kecenderungan pembayaran zakat oleh syarikat di Malaysia adalah positif, namun masih luas potensi pembayaran zakat tersebut yang boleh dicapai. Perkara ini yang ditekankan oleh Barjoyai Bardai bahawa zakat perniagaan ke atas sektor korporat mempunyai potensi yang sangat besar di Malaysia (Marhaini Kamaruddin, 2009).

Untuk mencapai potensi maksima pembayaran zakat oleh syarikat ini, institusi zakat telah mengadakan pelbagai inisiatif antaranya ialah (Azizah D. & Abd. Halim M. N., 2009);

- 1- Menubuhkan lebih banyak kaunter zakat
- 2- Melantik institusi kewangan sebagai agen zakat
- 3- Memperkemaskan kaedah pengiraan zakat perniagaan
- 4- Melantik dan melatih lebih ramai kakitangan untuk memberi khidmat nasihat mengenai zakat perniagaan. Ia berikutan masih banyak

lagi entiti atau syarikat yang tidak memahami kaedah pengiraan zakat perniagaan.

Kutipan zakat ke atas syarikat boleh mendatangkan jumlah yang besar. Ia secara lansung mendatangkan kemaslahatan kepada manusia khususnya asnaf zakat. Kemaslahatan ini boleh menjadi kayu ukur untuk mengutip zakat ke atas syarikat. Oleh kerana itulah ulama' membenarkan berijtihad dalam bidang zakat demi mendatangkan kemaslahatan kepada umat Islam. al-Qaradawi menjelaskan, zakat tidak hanya sifatnya sebagai ibadah bahkan ia merupakan hak yang wajib ditunaikan untuk kemaslahatan manusia, ia merupakan sebahagian daripada sistem kewangan, sosial dan ekonomi. Kerana itulah pendekatan ijithad boleh teraplikasi dalam menyelesaikan isu-isu zakat (Yusuf Qaradawi, 2011).

Zakat juga mengandungi hikmah, manfaat dan dapat memberikan kemaslahatan yang sangat besar dan mulia, sama ada terhadap pemberi zakat, penerima, harta yang dizakatkan, mahupun terhadap masyarakat keseluruhannya (Didin Hafidhudin, 2002). Oleh kerana itulah dalam menyelesaikan isu-isu zakat atau menetapkan sesuatu hukum zakat terutamanya kutipan zakat ke atas syarikat perlulah meraikan kemaslahatan tersebut.

#### Potensi Dari Sudut Hukum

Setelah melihat potensi dari sudut penerimaan perluasan harta dan hasil kutipan zakat syarikat, adalah sewajarnya potensi zakat syarikat dari sudut hukum disentuh. Potensi dari sudut hukum ini bermaksud adakah ruang untuk mewajibkan zakat syarikat dalam perbahasan fiqh. Asasnya wujud potensi mewajibkan zakat syarikat susulan terdapat beberapa nas yang mewajibkan zakat adalah bersifat umum seperti yang difirmankan Allah s.w.t;

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفَقُوا مِنْ طِبَابَتِ مَا  
كَسَبُتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَلَا  
تَيْمِمُوا الْحَيَثُ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِإِخْدِيَةِ  
إِلَّا أَنْ تُعْمِضُوا فِيهِ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ



“Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu memilih

*yang buruk-buruk lalu kamu nafkahkan daripadanya, padahal kamu sendiri tidak mahu mengambilnya melainkan dengan memejamkan mata terhadapnya. Dan ketahuilah, bahawa Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji.”*

(Surah al-Baqarah, 2:267)

Perkataan “sebahagian dari hasil usahamu” adalah bersifat umum, ia merangkumi segala hasil usaha yang dilakukan oleh manusia sama ada ia berbentuk perniagaan, perindustrian, pertanian dan seumpamanya, ataupun hasil tersebut diusahakan secara persendirian atau syarikat (Tun Abdul Hamid, 2012).

Begitu juga umumnya hadis Nabi s.a.w yang menyentuh persoalan zakat. Nabi s.a.w bersabda:

*“tidak terhimpun antara yang terpisah dan tidak terpisah antara yang terhimpun kerana takut bersedekah (zakat), dan orang-orang yang menternak binatangnya hendaklah berdamai antara keduanya dengan berdasarkan persamaan”*

Selain daripada nas-nas tersebut, terdapat beberapa hujah lain yang menjadi asas kewajipan zakat ke atas syarikat. Hujah tersebut ialah:

### 1. Syarikat sebagai *syakhsiyah al-i'tibariyyah*

*Syakhsiyah al-i'tibariyyah* bermaksud kumpulan manusia (individu) yang bersatu dalam menuju objektif tertentu, atau kumpulan harta yang diuruskan untuk tujuan tertentu, yang mana terlepas daripadanya perundangan individu, dan ia menjadi satu entiti yang tersendiri dan berbeza daripada entiti yang saling memberi sumbangan dalam aktiviti dan perkara yang memberi manfaat pada mereka. Contoh bagi *syakhsiyah al-i'tibariyyah* ini adalah seperti negara, kesatuan, institusi dan syarikat (al-Badrwi, t.t.). Oleh itu setiap hak dan kewajipan terpakai atas *syakhsiyah al-i'tibariyyah* yang terdiri di dalamnya individu-individu yang membangunkannya ataupun harta-harta yang membentuknya (al-Dusuqi, t.t.).

Dalam erti kata lain memberi sifat *ahliyyah al-qanuniyyah* (kecuali apa yang telah khusus kepada manusia) kepada syarikat. Manakala bebannya (*dhimmah*) adalah berbeza dengan *ahliyyah al-syuraka'* (kelayakan orang yang berkongsi) dimana bagi syarikat ia mempunyai beban tanggungan harta yang khusus. Dalam erti kata lain syarikat mempunyai kapasiti bertindak seumpama manusia biasa.

*Syakhsiyah al-i'tibariyyah* mempunyai kelayakan untuk memiliki hak dan menjalankan (transaksi) (Paizah H. I., 2001), sedangkan pembayaran zakat juga

dilihat sebagai suatu transaksi secara asasnya. Oleh itu dapat kita simpulkan bahawa hukum membayar zakat atas *syakhsiyah al-i'tibariyyah* adalah sama hukumnya dengan *syakhsiyah al-tabi'iyyah* iaitu wajib. Institusi dan syarikat di Malaysia adalah merupakan *syakhsiyah al-i'tibariyyah*, kerana itu wajib bagi syarikat-syarikat tersebut membayar zakat.

### 2. Mencampurkan harta zakat.

Asas lain yang menjadi dokongan kewajipan harta zakat adalah prinsip mencampurkan harta zakat. Sifat syarikat umumnya mempunyai harta yang berbagai bentu, jenis dan pemilikan. Oleh itu, harta-harta tersebut dianggap dibawah pemilikan yang satu untuk dizakatkan, iaitu di bawah pemilikan syarikat. Asasnya prinsip ini wujud dalam perbahasan fiqh di mana dibenarkan binatang ternakan yang dipelihara secara bersama (antara dua orang atau lebih), untuk menggabungkan binatang ternakannya agar mencukupi nisab (al-Dusuqi, t.t.; al-Ramli, 1984). Begitu juga halnya dalam syarikat, secara asasnya ia merupakan gabungan modal individu-individu yang membentuk syarikat dan keuntungan/hasil yang diperoleh digabungkan untuk membayar zakat.

### 3. Merangkumkan harta zakat.

Selain itu prinsip merangkumkan harta zakat juga menjadi hujah dokongan bahawa harta syarikat dikenakan zakat. Ia bermaksud merangkumkan kesemua harta zakat (yang sama sifat atau jenisnya) antara satu sama lain. Seperti merangkumkan harta dengan hutang yang berada ditangan pembiutang dan situasi yang seumpamanya. Contoh lain adalah keharusan membayar zakat sebelum tiba haul (Husain Syahatah, 2009), ini kerana ia merangkumkan hartanya dalam tempoh haul tersebut secara tanggapan dan mencukupi nisab lalu membayar zakat sebelum tiba waktu cukup haul. Asas rangkuman harta ini juga boleh berlaku dalam syarikat dimana harta dalam syarikat tersebut akan dirangkumkan untuk membayar zakat.

### 4. Harta yang berkembang (*al-nama'*)

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh syarikat adalah satu bentuk perkembangan harta yang tergolong dalam prinsip *al-nama'*. *Al-Nama'* (subur) merupakan salah satu ciri atau syarat harta yang wajib dikeluarkan zakat (al-Qaradawi, 1994). Oleh itu, apabila dilihat secara keseluruhannya harta syarikat merupakan harta yang layak dikeluarkan zakat kerana prinsipiannya sebagai harta yang subur.

Bagi menguatkan lagi hukum zakat syarikat sebagai asas potensi kutipan zakatnya. Artikel ini

membawakan beberapa fatwa berkenaan zakat syarikat. Berdasarkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia menyatakan syarikat perniagaan adalah diwajibkan membayar zakat. Keputusan fatwa tersebut adalah seperti berikut (JAKIM, 2009):

- Syarikat perniagaan diwajibkan zakat apabila mencukupi syarat-syarat seperti berikut:
1. perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam,
  2. perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam yang merdeka,
  3. sempurna milik,
  4. cukup nisab,
  5. cukup haul (genap setahun qamariah atau 354.3 hari),
  6. kadar zakat ke atas syarikat tersebut adalah 2.5 %, dan
  7. syarikat yang dimiliki bersama antara orang Islam dan bukan Islam, maka wajib ke atas jumlah saham yang dimiliki oleh orang Islam sahaja berdasarkan pendapatan bersih yang diperolehi.

Fatwa ini selaras dengan apa yang diputuskan dalam Keputusan dan Resolusi Nadwah Kesepuluh dan Kesebelas Bagi Isu-Isu Zakat Semasa, Bait al-Zakah Kuwait sebagaimana berikut (Baitil Zakat, 2001):

- Dikenakan zakat atas syarikat saham (*al-musahamah*) kerana sifatnya sebagai entiti perundungan (*syakhsiyah al-i'tibariyyah*) dengan tertakluk kepada perkara berikut:
- a) Pemerintah mengeluarkan surat perintah (atau seumpamanya) supaya zakat dikeluarkan oleh syarikat
  - b) Undang-undang dan peraturan syarikat hendaklah memasukkan kewajipan mengeluarkan zakat hasil aktiviti yang dilakukan.
  - c) Syarikat hendaklah menyebut tentang zakat dalam undang-undang tubuhnya.
  - d) Para pemegang saham hendaklah rela dikeluarkan zakat bagi pihak diri mereka.

Kewajipan zakat syarikat adalah berdasarkan hujah daripada nas-nas yang umum, prinsip *syakhsiyah al-i'tibariyyah, al-nama'*, prinsip *zakat al-khultah* dan merangkumkan harta zakat. Oleh itu, secara umumnya syarikat diwajibkan untuk mengeluarkan zakat. Hal ini telah memberikan impak yang positif terhadap potensi kutipan zakat syarikat di Malaysia.

## Kesimpulan

Setelah analisis dilakukan terhadap data-data yang diperolehi, kajian mendapati zakat syarikat mempunyai potensi yang luas. Hal ini kerana wujudnya penerimaan para intelektual semasa untuk memperluaskan takrifan harta zakat dan tidak terhad kepada harta yang disenaraikan dalam syariat Islam. Potensi hasil kutipan zakat juga mempunyai ruang untuk dipertingkatkan kerana telah wujud kesedaran syarikat untuk membayar zakat di samping wujudnya faktor-faktor lain. Tambahan pula, dari aspek perbahasan hukum zakat syarikat tidak menjadi penghalang, ini kerana ia mempunyai asas dalam syariat Islam.

Justeru, zakat syarikat mempunyai potensi yang besar di Malaysia sehingga boleh mendatangkan kutipan zakat yang memuaskan. Dengan kutipan zakat yang banyak ia mampu untuk membantu golongan asnaf di Malaysia dan mempertingkatkan taraf ekonomi umat Islam umumnya. Lantaran itu, banyak syarikat telah tampil membayar zakat seperti Bank Islam Malaysia Berhad, Lembaga Tabung Haji dan selainnya telah menunjukkan impak positif dalam kutipan zakat di Malaysia. Tambahan pula kesedaran terhadap pembayaran zakat telah mula timbul bagi syarikat-syarikat di Malaysia. Walaupun sasaran kutipan zakat masih belum memuaskan namun masih banyak usaha yang boleh dilakukan dan diperbaiki.

## Bibliografi

- ‘Abdul Mun’im al-Badravi (t.t.). *al-Madkhali al-Ulum al-Qanuniyyah*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Abdul Hakim A. O. (2009), Potensi Pembayar dan Kutipan Zakat di Malaysia. Dalam Abd Halim Mohd Noor et.al (ed.), *Pengintegrasian Zakat dan Cukai di Malaysia*, hh. 45-78. Shah Alam: IKAZ.
- Adibah A. W. & Joni Tamkin B. (2014). Faktor Penentu Pembayaran Zakat oleh Entiti Perniagaan di Malaysia: Satu Tinjauan Teori. *Jurnal Syariah*, 22(3); 295-322.
- Ahmad Mufligh Saefuddin (1986). *Pengelolaan zakat ditinjau dari aspek ekonomi*. Bontang : Badan Dakwah Islamiyah.
- Ahmad Shahir M. & Adibah A. W. (2010). Pengurusan Zakat di Negeri Selangor: Isu dan Cabaran. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam, UKM, Julai 2010.
- Al-Buhuti, Mansur bin Yunus (2003) *Kasyaf al-Qina' an Matn al-Iqna'*, Riyad : Dar ‘Alam al-Kutub.
- Al-Dusuqi, Muhammad al-Sayid (t.t.). *al-Syakhsiah al-I'tibariyyah Baina al-Fiqh wa al-Qanun*. Qatar: Jami’ah Qatar.

- Al-Dusuqi, Muhammad bin Ahmad (t.t.). *Hasyiah al-Dusuqi 'ala Syarh al-Kabir*. Kaherah: Dar al-Ihya' al-Kutb al-'Arabiyyah.
- Al-Hisni, Abu Bakr bin Muhammad (2008) *Kifayah al-Akyar fi Hill Ghayah al-Ikhtisar*, Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Maqdisi, Ibn Qudamah (1992). *Al-Mughni*. Kaherah: Hajar.
- Al-Mirghinani, 'Ali bin Abu Bakr (t.t.). *Bidayat al-Mubtadi*. Kaherah: Matba'ah al-Futuh.
- al-Qaradawi, Yusuf (1994). *Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah Li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Dhau' al-Quran wa al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qurtubi (2006). *Al-Jami' li Akhak al-Qur'an*. Beirut : Mu'asasah al-Risalah.
- Al-Ramli, Muhammad bin Syihab al-Din (1984). *Nihayah al-Muhtaj Ila Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Syafi'i (2002). *Al-Umm*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Asmak A. R. & Joni Tamkin B. (2005). Isu Dalam Kutipan Zakat Pertanian: Kajian di Selangor. dlm. Abdullah Alwi Hj. Hassan et al. (ed.), *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Azizah Dolah & Abd Halim Mohd Noor (2009). Kaitan Zakat dan Cukai di Malaysia. Dalam Abd Halim Mohd Noor et.al (ed.), *Pengintegrasian Zakat dan Cukai di Malaysia*, hh. 1-24. Shah Alam: IKAZ.
- Azman Mohd Noor & Muhamad Nasir Harun (2011). Imposing Zakah on Legal Entities and Its Applications to Islamic Financial Institutions. Kertas kerja yang dibentangkan di International Zakat Conference, Bogor, Indonesia, 19-21 Julai 2011.
- Aznan Hasan (2013). Who Needs to Pay Zakat: A Focus on Legal Entities. Kertas kerja yang dibentangkan di National Business Zakat Symposium, Hotel Istana, Kuala Lumpur, 8 Oktober 2013.
- Baitil Zakat, Hai'ah Hukumiyyah Mustaqillah Daulah al-Kuwait (2001). *Dalil al-Irsyadat li Muhasabat Zakat al-Syarikat*. Keputusan dan resolusi Nadwah Kesepuluh dan Kesebelas Bagi Isu-Isu Zakat Semasa, 'Amman, 2000 dan Kuwait, 2001,
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2010). *Kamus Dewan, edisi keempat*. Kuala Lumpur: DBP.
- Didin Hafidhudin (2002). *Zakat dalam perekonomian modern*. Jakarta : Gema Insani.
- Elsi Kartika Sari (2007) *Pengantar hukum zakat dan wakaf*, Jakarta : Penerbit PT Grasindo,
- Halizah M. A., Kasumalinda A. & Agoos Munalis T. (2011). Factors Influence Company Towards Zakat Payment: An Explanatory Studies. Prosiding 2nd International Conference on Business and Economic Research (2nd ICBER 2011): 2515-2522.
- Hamizul A. H. (2012). *Eksklusif Zakat*. Selangor: Galeri Ilmu.
- Hamizul Abdul Hamid (2012). *Eksklusif Zakat*. Selangor: Galeri Ilmu.
- Harian Metro (Disember 2011). Kepentingan Bayar Zakat. Diakses pada 8 Mac 2015 dari [http://www2.hmetro.com.my/articles/Kepentinganbayar\\_zakat/Article](http://www2.hmetro.com.my/articles/Kepentinganbayar_zakat/Article)
- Husain Husain Syahatah (2009). *Fiqh wa Muhasabah Zakah al-Syarikat*. Kaherah: Dar al-Nasyr lil Jami'at.
- Ibn al-'Arabi (2003). *Akhak al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ibn al-Humam (2003). *Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ibn Manzur (1990) *Lisan al-'Arab*, Beirut : Dar al-Fikr, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2009). *Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Berhubung dengan Isu-Isu Muamalat*. Putrajaya: JAKIM.
- JAKIM (2012). *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: JAKIM.
- Keputusan Muzakarah Jawatan Kuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam, diakses pada 19 Mac 2015 dari <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/pembayaran-zakat-oleh-tabung-haji>
- Lizawati Madfa (Julai 2014). 62 Syarikat Serah Zakat Perniagaan RM 2.3 Juta Kepada LZS. Diakses pada 8 Mac 2015 dari <http://bm.selangorku.com/54768/62-syarikat-serah-zakat-perniagaan-rm2-3-juta-kepada-lzs/>
- Mahmood Zuhdi A. M. (2003) *Pengurusan Zakat*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Marhaini Kamaruddin (September 2009). Insentif Galak Korporat Bayar Zakat Perlu. Diakses pada 8 Mac 2015 dari [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0920&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_05.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0920&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_05.htm)
- Mohamad Noor Shahidi Johari (2013). Penentuan Zakat Perniagaan di Kalangan Usahawan di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 7(2): 17-38.
- Mohd Ali M. N., Hairunizam W. & Nor Ghani M. N. (2004). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di

Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia. *ISLAMIYYAT*, 26(2): 59-67.

Mohd Rahim K., Ariffin M. S. & Abd Samad N. (2011). Compliance Behavior of Business Zakat Payment in Malaysia: A Theoretical Economic Exposition. kertas kerja 8th International Conference on Islamic Economics and Finance, 19-21 Disember 2011, Doha.

Mohd Rizuan A. K., Zulkifli Z. A., Juliana Anis R., Khairul Nizam S. & Abdul Aziz A. (2014). Factors Influencing a Business Towards Zakat Payment in Malaysia. *International journal of Science Commerce and Humanities*, 2(3): 147-156.

Mohd Yahya M. H., Fadlizan M. & Mohamad Ali R. A. (2013). Kepatuhan Membayar Zakat: Analisis Kutipan dan Ketirisan Zakat Fitrah di Selangor. *Jurnal Syariah*, 21(2); 191-206.

Muhammad Ikhlas R., Luqman H. A & Mohd Anuar R. (2013). Zakat Atas Syarikat: Analisis Teoritikal. Dalam Noraini Mohamad et. al., *Islamic Philanthropy for Ummah Excellence*, 637-645. Shah Alam: IKaZ.

Musa A., Arifin M. S. & Abdullah Hj. Said (2007). Penerokaan Sumber Baru Zakat di Malaysia. Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan 2007, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Mei 2007.

Paizah Hj. Ismail (2001). *al-Fiqh al-Jina'I al-Islami*. APIUM: iMAP.

Pranam Dhar (2013). Zakat as a Measure of Social Justice in Islamic Finance: An Accountant's

Overview. *Journal of Emerging Economies and Islamic Research*, 1(1). diakses pada 10 Jun 2013, <http://www.jeeir.com/index.php/jeeir/article/view/35>

Ram Al Jaffri, S., Kamil M. I. & Zainol B. (2009). Peraturan Pembayaran Zakat Kepada Institusi Zakat: Sikap Peniaga dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Perniagaan. *Jurnal Syariah* 17(3): 607-630.

Tun Abdul Hamid Mohamad & Dr. Adnan Trakic (2013). Critical Appraisal of The Companies' Obligations to Pay Zakat in The Malaysian Context. *International Company and Comercial Law Review*, 10.

Tun Abdul Hamid Mohamad (2012) *Obligation of Companies to Pay Zakat: Issues Arising from Effects of Separate Legal Entity*, Dalam law review.

Yusuf Qaradawi (2011). *Hukum Zakat*, Salman Harun et. al (terj.). Bogor: Pustaka Litera AntarNusa.

Zahri Hamat (2009). Business Zakat Accounting and Taxation in Malaysia. Kertas kerja yang dibentangkan di Conference on Islamic Perspectives on Management and Finance, School of Management, University of leicester, United Kingdom, 2 - 3 Julai 2009.

Zaidan, 'Abdul Karim (1993). *Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim*, Beirut: Muassasah al-Risalah.

Zulkifli Hasan (2013). Does Islamic Financial Institutions Need to Pay Zakat?. Dalam *The Malaysian Reserve*, 29 Julai 2013.